

Kesedaran Mahasiswa Pengajian Islam Terhadap Pendidikan al-Quran Dalam Kalangan Komuniti Pekak

(Awareness of Islamic Studies Students Towards al-Quran Education Among the Deaf Community)

Syar Meeze Mohd Rashid

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nurfahmida Mazlan

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pendidikan al-Quran merupakan asas penting dalam pembentukan keimanan dan ketakwaan setiap Muslim. Sehubungan itu, pendidikan ini harus bersifat inklusif dan merangkumi semua golongan, termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) seperti komuniti pekak. Kajian ini bertujuan meneliti tahap kesedaran, sikap keprihatinan dan motivasi dalam kalangan mahasiswa Pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran untuk golongan pekak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan instrumen soal selidik skala Likert lima mata, dan data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Seramai 52 orang responden terdiri daripada mahasiswa Pengajian Islam di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kesedaran, keprihatinan dan motivasi mahasiswa terhadap pendidikan al-Quran bagi komuniti pekak berada pada tahap yang sangat tinggi. Dapatan ini mencerminkan kesediaan serta kecenderungan positif mahasiswa dalam menyokong usaha ke arah pendidikan Islam yang lebih inklusif dan mesra OKU. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan awal dalam memperkasa pendidikan al-Quran untuk komuniti OKU, khususnya golongan pekak, serta membuka ruang kepada penyelidikan lanjut dalam membangunkan pendekatan pendidikan yang lebih menyeluruh, sistematik dan responsif terhadap keperluan golongan ini pada masa akan datang.

Kata kunci: Pendidikan al-Quran, Komuniti pekak, Mahasiswa Pengajian Islam, Kesedaran.

Abstract

Qur'anic education is a vital foundation in shaping the faith and piety of every Muslim. Therefore, it must be inclusive and encompass all segments of society, including Persons with Disabilities (PWD) such as the deaf community. This study aims to examine the levels of awareness, concern, and motivation among Islamic Studies students towards Qur'anic education for the deaf. A quantitative approach was employed using a five-point Likert scale questionnaire, and the data were analysed using SPSS software version 27. A total of 52 respondents all Islamic Studies students from Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), participated in the study. The findings indicate that the levels of awareness, concern and motivation among the students towards Qur'anic education for the deaf community are very high. These results reflect the students' readiness and positive inclination to support efforts towards a more inclusive and disability-friendly Islamic education. This study is expected to serve as an initial reference in strengthening Qur'anic education for the PWD community, particularly the deaf and to pave the way for further research in developing more comprehensive, systematic, and responsive educational approaches that meet the needs of this group in the future.

Keywords: Qur'anic education, Deaf community, Islamic Studies students, Awareness.

Article Progress
Received: 24 April 2025
Revised: 06 May 2025
Accepted: 20 May 2025

1. PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan hidup yang lengkap dan menyeluruh kepada umat manusia. Kandungan al-Quran merangkumi prinsip-prinsip asas dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk akidah, ibadah, muamalat, akhlak, serta undang-undang, sekali gus menjadi sumber rujukan utama dalam membentuk kehidupan berlandaskan ketakwaan dan keimanan. Menurut Nawi et al., (2021), al-Quran berperanan penting dalam membimbing umat Islam agar tidak terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, kewajipan membaca, mempelajari, dan menghayati kandungan al-Quran merupakan suatu tuntutan yang perlu dipenuhi oleh setiap Muslim (Ab Rahman et al., 2021).

Namun begitu, pendidikan al-Quran seharusnya tidak hanya tertumpu kepada individu tipikal sahaja, malah perlu diluaskan kepada semua lapisan masyarakat termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Prinsip keterangkuman dalam pendidikan Islam menuntut agar setiap individu, tanpa mengira kekurangan fizikal atau mental, diberi hak yang sama dalam mengakses ilmu agama. Golongan OKU, khususnya individu pekak, turut berhak menerima pendidikan al-Quran meskipun berdepan kekangan dari segi deria dan komunikasi (Alias et al., 2019). Menurut Samat et al., (2020), keterbatasan dalam aspek pendengaran menyukarkan individu pekak untuk mendengar dan melafazkan ayat-ayat al-Quran dengan tajwid dan makhraj yang betul. Kekangan ini menyebabkan mereka sering tersisih daripada aktiviti pembelajaran al-Quran dan turut menghadapi cabaran besar dalam komunikasi lisan (Rashid et al., 2017).

Walau bagaimanapun, kekurangan ini tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menafikan hak mereka terhadap pendidikan al-Quran. Sebaliknya, mereka memerlukan pendekatan yang sesuai dan mesra OKU agar dapat memahami serta menghayati isi kandungan al-Quran dalam kehidupan harian (Razuan et al., 2019). Maka, pembangunan sistem pendidikan al-Quran yang bersifat inklusif dan responsif terhadap keperluan komuniti pekak amat penting dilaksanakan, sejajar dengan matlamat pendidikan Islam yang menyeluruh dan merangkumi seluruh umat manusia.

Islam merupakan agama yang syumul, mencakupi setiap aspek kehidupan insan. Bagi memastikan umat Islam kekal berada di landasan yang benar, Allah SWT telah menurunkan wahyu-Nya sebagai panduan untuk meraih kebahagiaan di dunia dan akhirat. Dalam kerangka ini, penyediaan ruang dan peluang beragama kepada semua lapisan masyarakat termasuklah golongan OKU merupakan satu tuntutan fardu ain yang wajib dipenuhi oleh setiap pihak yang bertanggungjawab (Raus et al., 2023).

Walaupun golongan orang pekak tergolong dalam kelompok minoriti, mereka tetap berhak menikmati pengalaman beragama dalam suasana yang menyantuni keperluan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Samat et al., (2020), Islam menggalakkan umatnya untuk mendalami ilmu-ilmu agama yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah. Oleh itu, kekangan pendengaran yang dialami oleh golongan pekak tidak wajar dijadikan alasan untuk meminggirkan mereka daripada tuntutan agama. Sebaliknya, pendidikan al-Quran perlu diperkasa sejak di peringkat awal persekolahan bagi memastikan mereka turut memperoleh peluang memahami serta mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna.

2. PENYATAAN MASALAH

Pendidikan al-Quran merupakan satu tuntutan penting bagi setiap umat Islam tanpa mengira latar belakang, termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti individu pekak. Namun begitu, dalam konteks pendidikan agama, wujud persepsi dalam kalangan sebahagian masyarakat bahawa golongan OKU seolah-olah diberi pengecualian daripada melaksanakan tuntutan syariat Islam, termasuk kewajipan mempelajari dan memahami al-Quran. Tanggapan ini menimbulkan persoalan besar berkaitan keperluan spiritual dan hak terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan komuniti orang pekak. Kesedaran masyarakat umum menjadi elemen utama dalam membuka akses pendidikan al-Quran kepada golongan ini tetapi tahap kesedaran tersebut masih berada pada tahap yang membimbangkan.

Isu utama yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kurangnya perhatian dan kesedaran masyarakat terhadap keperluan pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak. Khamaruddin et al. (2021) menyatakan bahawa masih wujud kekurangan dari aspek perhatian, pendedahan dan kesedaran terhadap isu yang melibatkan OKU dan pendidikan agama. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar masyarakat tidak menyedari kepentingan penyampaian ilmu agama, khususnya al-Quran, kepada golongan ini. Kajian oleh Rashid et al., (2024) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa kekurangan sokongan daripada pelbagai pihak menjadi faktor utama yang menghambat perkembangan pendidikan agama dalam kalangan OKU. Lebih membimbangkan, keadaan fizikal orang pekak yang kelihatan normal sering kali menimbulkan tanggapan bahawa mereka tidak menghadapi sebarang kekangan dalam kehidupan termasuk dalam aspek pembelajaran agama (Khamaruddin et al. 2021 & Zulkifli et al., 2022).

Selain itu, kurangnya pendedahan masyarakat terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang sesuai untuk orang pekak turut menjadi satu cabaran besar. Kebanyakan kaedah yang tersedia pada hari ini masih bersifat konvensional dan hanya sesuai untuk individu tipikal yang mampu membaca dan mendengar. Hal ini disokong oleh Sabdan et al., (2020) yang mendapati bahawa komuniti orang pekak tidak menerima pendedahan yang mencukupi berkaitan pendidikan al-Quran, berbanding dengan masyarakat tipikal. Akibatnya, mereka berdepan dengan kesukaran untuk mengakses peluang pendidikan al-Quran secara adil dan berkesan, selaras dengan keperluan dan kemampuan mereka.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui pandangan mahasiswa pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak
2. Mengetahui sikap keprihatinan mahasiswa pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak
3. Mengetahui motivasi yang mempengaruhi mahasiswa pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah pandangan mahasiswa pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak?
2. Adakah sikap keprihatinan mahasiswa pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak?

3. Apakah motivasi yang mempengaruhi mahasiswa pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak?

5. METODOLOGI KAJIAN

5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengenal pasti serta mengkaji secara empirikal dan sistematik tahap kesedaran mahasiswa Pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan individu pekak. Menurut Creswell (2008), kajian kuantitatif merujuk kepada penyelidikan dalam bidang pendidikan yang melibatkan penentuan fokus kajian oleh penyelidik, penghasilan soalan penyelidikan yang khusus, pengecilan skop persoalan, pengumpulan data berbentuk kuantitatif daripada responden serta penganalisan data berbentuk angka secara statistik.

5.2 Sampel Kajian

Seramai 52 orang mahasiswa Pengajian Islam dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dipilih sebagai responden kajian ini. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kriteria yang relevan dengan konteks dan objektif kajian, bagi memastikan kesesuaian dapatan. Saiz sampel ini ditentukan berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970) yang menyediakan panduan pemilihan sampel berpadanan dengan saiz populasi kajian.

5.3 Instrumen Kajian

Pengumpulan data dilakukan melalui penggunaan instrumen soal selidik yang dibina khusus untuk kajian ini. Borang soal selidik tersebut mengandungi 25 item dan terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

1. Latar belakang responden.
2. Pandangan mahasiswa terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak.
3. Sikap mahasiswa terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak.
4. Motivasi mahasiswa terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak.

Semua item dalam soal selidik menggunakan skala likert lima mata yang merangkumi tahap persetujuan iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Agak Setuju (AS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

5.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Creswell (2008) aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen merupakan elemen penting untuk memastikan ketepatan dan kesahihan data yang diperolehi. Memandangkan soal selidik ini telah diubah suai daripada versi asal, proses penilaian kesahan muka dan kandungan telah dijalankan. Pengkaji telah mendapatkan penilaian daripada tiga orang pakar iaitu:

1. Seorang pensyarah dalam bidang Pendidikan Khas
2. Seorang guru pakar dalam bidang Bahasa Melayu
3. Seorang guru Pendidikan Islam

Ketiga-tiga pakar telah meneliti kandungan soal selidik dari aspek penggunaan bahasa, kekuatan dan kelemahan item serta memberi cadangan penambahbaikan yang relevan.

5.5 Penganalisan Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27.0 secara deskriptif. Analisis ini merangkumi pengiraan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berikut merupakan dapatan dan perbincangan kajian yang diperolehi.

6.1 Dapatan Bahagian A: Demografi Responden

Jadual 6.1 : Jantina responden

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	20	38.5
Perempuan	32	61.5
Jumlah	52	100

Jadual 6.1 menunjukkan maklumat responden mengikut jantina. Berdasarkan jadual tersebut, mahasiswa pengajian Islam perempuan adalah paling tinggi iaitu dengan kekerapan 32 orang (61.5%) berbanding dengan mahasiswa pengajian Islam lelaki dengan kekerapan sebanyak 20 orang (38.5%).

Jadual 6.2 : Umur responden

Umur	Kekerapan (f)	Peratus (%)
19 - 24	40	76.9
25 - 29	11	21.2
30 - 34	1	1.9
35 dan ke atas	0	0
Jumlah	52	100

Jadual 6.2 menunjukkan maklumat mahasiswa pengajian Islam mengikut umur. Lingkungan umur yang paling ramai adalah berumur 19 sehingga 24 tahun iaitu seramai 40 orang (76.9%). Bilangan ini diikuti dengan lingkungan umur 25 sehingga 29 tahun iaitu mempunyai bilangan seramai 11 orang (21.2%). Umur dalam lingkungan 30 sehingga 34 tahun mempunyai kekerapan yang rendah iaitu mempunyai bilangan seramai 1 orang (1.9%) sahaja dan lingkungan umur 35 tahun ke atas tidak mencatatkan sebarang kekerapan.

Jadual 6.3 : Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Tahun 1	5	9.6
Tahun 2	4	7.7
Tahun 3	18	34.6
Tahun 4	25	48.1
Jumlah	52	100

Jadual 6.3 menunjukkan maklumat mengenai mahasiswa pengajian Islam mengikut tahun pengajian. Dapatan menunjukkan bahawa taburan kekerapan dan peratus mahasiswa pengajian Islam yang paling tinggi adalah daripada tahun pengajian 4 iaitu sebanyak 25 orang (48.1%). Bilangan ini diikuti dengan tahun pengajian 3 yang mempunyai bilangan seramai 18 orang (34.6%). Taburan

kekerapan dan peratus yang paling rendah adalah tahun pengajian 1 dan 2 iaitu masing-masing mempunyai bilangan seramai 5 orang (9.6%) dan 4 orang (7.7%).

Jadual 6.4 : Fakulti

Fakulti	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	25	48.1
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	4	7.7
Fakulti Syariah dan Undang-Undang	12	23.1
Lain-lain	11	21.1
Jumlah	52	100

Jadual 6.4 menunjukkan maklumat mengenai mahasiswa pengajian Islam mengikut fakulti. Majoriti responden dalam kajian ini adalah daripada fakulti Pengajian Quran dan Sunnah iaitu seramai 25 orang (48.1%). Manakala responden daripada fakulti Syariah dan Undang-Undang pula mempunyai taburan kekerapan sebanyak 12 orang (23.1%). Responden daripada fakulti Kepimpinan dan Pengurusan mencatatkan bilangan yang terendah iaitu 4 orang sahaja bersamaan dengan 7.7%. Selebihnya adalah responden daripada fakulti lain-lain iaitu seramai 11 orang (21.1%) yang merangkumi fakulti Pengajian Bahasa Utama, fakulti Pendidikan dan fakulti Ekonomi dan Muamalat.

6.2 Dapatan Bahagian B: Pandangan Mahasiswa Pengajian Islam

Item	STS	TS	AS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1. Orang pekak mempunyai hak dalam mendapatkan pendidikan dan kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran	1			2	49	4.88	0.583	Sangat Tinggi
2. Al-Quran adalah pedoman hidup bagi seluruh umat manusia termasuk orang pekak	1			6	45	4.81	0.627	Sangat Tinggi
3. Saya percaya bahawa orang pekak dapat menyebut dan mengkodkan huruf-huruf hijahiyah dengan baik	1		7	9	35	4.48	0.874	Sangat Tinggi
4. Pendidikan al-Quran dapat meningkatkan hubungan golongan pekak dan golongan tipikal sesama muslim	1			7	44	4.79	0.637	Sangat Tinggi
5. Pendidikan al-Quran dapat membina sikap dan personaliti baik dalam kalangan orang pekak	1			6	45	4.81	0.627	Sangat Tinggi

6. Tanggungjawab untuk membantu golongan orang pekak dalam mempelajari al-Quran adalah tugas semua	1	1	7	43	4.73	0.744	Sangat Tinggi
7. Masalah sosial dalam kalangan orang pekak dapat dikurangkan melalui pendidikan al-Quran	1	1	10	40	4.69	0.701	Sangat Tinggi
Jumlah					4.74	0.597	Sangat Tinggi

Hasil kajian mendapati bahawa mahasiswa Pengajian Islam menunjukkan pandangan yang sangat tinggi terhadap keperluan dan kepentingan pendidikan al-Quran dalam kalangan individu pekak. Skor purata min yang dicatatkan bagi keseluruhan konstruk pandangan ialah 4.74 yang berada dalam julat sangat tinggi mengikut tafsiran skala Likert lima mata. Dapatan ini membuktikan bahawa para mahasiswa menyedari kewajipan serta kepentingan memberi akses pendidikan al-Quran yang adil dan inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk komuniti orang kurang upaya pendengaran.

Kajian Sabdan et al., (2020) turut menyokong dapatan ini apabila menyatakan bahawa pelaksanaan pendidikan al-Quran untuk pelajar pekak semakin mendapat perhatian dalam kalangan institusi pendidikan khususnya di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi. Hal ini menandakan berlakunya perkembangan positif dalam aspek kesedaran dan tanggungjawab masyarakat terhadap pendidikan agama bagi golongan istimewa.

Antara item yang merekodkan skor min tertinggi dalam konstruk ini ialah Item 1 dengan nilai min = 4.88, yang menunjukkan responden sangat bersetuju bahawa golongan orang pekak sepatutnya diberi peluang yang sama dengan golongan tipikal dalam aspek pendidikan agama khususnya berkaitan pengajian al-Quran. Perkara ini mencerminkan sikap keterbukaan dan kesediaan mahasiswa dalam mendukung prinsip keadilan dan keterangkuman dalam pendidikan Islam.

Tambahan pula, menurut Khamaruddin et al., (2021) golongan pekak juga tergolong sebagai mukallaf iaitu individu yang masih tertakluk kepada kewajipan menunaikan tuntutan agama seperti solat, puasa, dan pembacaan al-Quran, berdasarkan pandangan dan fatwa para ulama. Ini bermakna, kekurangan dari segi keupayaan mendengar bukanlah alasan untuk menggugurkan tanggungjawab agama, sebaliknya memerlukan pendekatan pedagogi dan metodologi yang bersesuaian.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memberi gambaran bahawa mahasiswa Pengajian Islam mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap hak pendidikan al-Quran bagi golongan pekak, selari dengan prinsip pendidikan Islam yang menyeluruh, adil dan tidak mendiskriminasi.

6.3 Dapatan Bahagian C: Sikap Keprihatinan Mahasiswa Pengajian Islam

Item	STS	TS	AS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1. Saya berminat untuk mengetahui pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak				13	39	4.75	0.475	Sangat Tinggi
2. Saya akan membantu golongan orang pekak yang ingin mempelajari pendidikan al-Quran			1	12	39	4.73	0.49	Sangat Tinggi
3. Saya selalu mengikuti program-program al-Quran bersama komuniti orang pekak		3	12	9	28	4.18	0.991	Tinggi
4. Saya sentiasa mengikuti isu perkembangan pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak		5	6	11	30	4.27	1.012	Sangat Tinggi
5. Saya sedar masalah yang dihadapi oleh orang pekak dalam mendapatkan pendidikan al-Quran		1	1	12	38	4.67	0.617	Sangat Tinggi
6. Saya mengambil inisiatif sendiri untuk mempelajari bahasa isyarat supaya dapat membantu orang pekak dalam pendidikan al-Quran		4	9	9	30	4.25	1.007	Sangat Tinggi
7. Saya telah mengetahui kaedah-kaedah pendidikan al-Quran bagi orang pekak	2	6	4	8	32	4.19	1.221	Tinggi
Jumlah						4.44	0.677	Sangat Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap keprihatinan mahasiswa Pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak berada pada tahap yang sangat tinggi. Purata min yang direkodkan bagi konstruk ini ialah 4.44, sekali gus mencerminkan reaksi yang amat positif dalam kalangan responden terhadap keperluan pendidikan agama bagi golongan berkeperluan khas, khususnya komuniti pekak.

Menurut Toran et al., (2009) sikap merupakan elemen penting dalam membentuk tingkah laku seseorang terhadap persekitarannya, dan ia turut mempengaruhi cara individu bertindak balas terhadap isu sosial dan pendidikan. Dalam konteks ini, sikap keprihatinan yang ditunjukkan oleh mahasiswa mencerminkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab sosial dan agama untuk mendukung pendidikan yang inklusif dan adil bagi semua.

Item 1 mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.75, yang menggambarkan kesediaan tinggi mahasiswa untuk menunjukkan sikap empati dan sokongan terhadap pendidikan al-Quran bagi orang pekak. Dapatan ini menunjukkan bahawa mahasiswa tidak hanya menyedari kewujudan isu ini, malah cenderung untuk terlibat secara aktif dalam usaha memperkasa golongan tersebut.

Jaafar et. al., (2022) turut menyatakan bahawa minat dan pengetahuan seseorang terhadap isu orang kurang upaya akan melahirkan sikap yang lebih prihatin dan empatik terhadap golongan ini. Justeru, apabila mahasiswa menunjukkan minat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pendidikan al-Quran bagi orang pekak, maka secara tidak langsung, akan terbentuk sikap ingin membantu dan menyokong pembelajaran al-Quran dalam kalangan komuniti tersebut.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa mahasiswa Pengajian Islam bukan sahaja menyokong secara intelektual tetapi juga mempunyai keprihatinan emosi terhadap isu keterangkuman pendidikan agama. Ini merupakan satu petunjuk yang positif ke arah pembentukan masyarakat yang lebih inklusif dan bertanggungjawab.

6.4 Dapatan Bahagian D: Motivasi Mahasiswa Pengajian Islam

Item	STS	TS	AS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1. Saya mempunyai ahli keluarga, rakan atau kenalan yang pekak	14	14	3	10	11	2.81	1.547	Sederhana
2. Saya mempunyai kemahiran untuk mengajar orang pekak dalam mempelajari al-Quran	6	14	10	11	11	3.13	1.344	Sederhana
3. Saya mempunyai keinginan sendiri untuk membantu orang pekak dalam mendapatkan pendidikan al-Quran		1	4	16	31	4.48	0.727	Sangat Tinggi
4. Saya selalu mendapat galakan daripada ahli keluarga, rakan dan pensyarah mengenai pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak	1	7	6	15	23	4.00	1.138	Tinggi
5. Saya berpuas hati apabila dapat membantu orang pekak dalam mempelajari al-Quran			3	17	32	4.56	0.608	Sangat Tinggi
6. Saya melibatkan diri dalam aktiviti pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak kerana saya boleh berkomunikasi dengan mereka	3	7	10	10	23	3.87	1.237	Tinggi
7. Saya akan menyertai aktiviti-aktiviti pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak sekiranya diajak oleh rakan-rakan			3	18	31	4.54	0.609	Sangat Tinggi

Jumlah

3.91 0.767

Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa Pengajian Islam mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak, dengan nilai purata min 3.91, yang berada dalam julat skor tinggi berdasarkan interpretasi min. Dapatan ini mencerminkan bahawa pandangan positif dan sikap prihatin yang ditunjukkan oleh mahasiswa terhadap pendidikan golongan istimewa telah mendorong pembentukan motivasi yang kukuh dalam diri mereka untuk turut terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha memperkasa pendidikan al-Quran bagi komuniti pekak.

Item yang mencatatkan skor min tertinggi dalam bahagian motivasi adalah Item 5 dengan nilai min 4.56, menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bersetuju dan sangat bersetuju terhadap kenyataan berkaitan keinginan mereka untuk membantu serta menyokong usaha pendidikan al-Quran bagi golongan ini.

Motivasi merupakan elemen penting dalam mempengaruhi tingkah laku dan keputusan seseorang. Hal ini berkait rapat dengan keinginan dalaman (intrinsik) dan pengaruh luaran (ekstrinsik) dalam mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Menurut Mohamad (2011), motivasi adalah satu proses yang mendorong individu untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat yang diinginkan. Dalam konteks ini, mahasiswa yang bermotivasi tinggi menunjukkan kesediaan mereka untuk mempelajari sesuatu perkara baharu, khususnya yang berkaitan dengan pendidikan Islam inklusif, sekali gus membina kefahaman yang lebih mendalam tentang keperluan golongan kurang upaya seperti orang pekak.

Kajian Mahmood et al., (2016) turut menyatakan bahawa tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh motivasi yang hadir daripada dalam diri sendiri, yang disebut sebagai motivasi intrinsik, mahupun daripada faktor luaran seperti galakan masyarakat, persekitaran, ataupun pendedahan terhadap isu-isu kemasyarakatan, yang dikenali sebagai motivasi ekstrinsik. Kedua-dua bentuk motivasi ini menjadi asas kepada keputusan, minat dan penglibatan mahasiswa dalam isu-isu pendidikan khas dan kebajikan.

Penemuan ini juga bertepatan dengan Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991) yang menjelaskan bahawa niat untuk melakukan sesuatu tindakan dipengaruhi oleh sikap individu terhadap tingkah laku tersebut, norma subjektif, dan persepsi kawalan tingkah laku. Dalam konteks ini, motivasi mahasiswa untuk mendalami serta menyumbang kepada pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak dipengaruhi oleh nilai agama, sokongan persekitaran akademik, serta kesedaran terhadap tanggungjawab sosial sebagai umat Islam.

Ahmad et al., (2022) turut menegaskan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan selalunya didorong oleh keinginan untuk menimba ilmu, memperkaya pengalaman serta mengukuhkan nilai-nilai murni dalam diri. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa motivasi mahasiswa Pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran bagi orang pekak bukan sahaja lahir daripada keinginan peribadi untuk membantu, malah turut disemai melalui pendidikan dan nilai yang diterapkan dalam program pengajian mereka.

7. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa tahap kesedaran mahasiswa Pengajian Islam terhadap pendidikan al-Quran dalam kalangan orang pekak adalah tinggi. Penemuan ini menggambarkan satu perkembangan yang positif dalam kalangan generasi muda, khususnya pelajar institusi pengajian tinggi yang mula menunjukkan kepekaan terhadap keperluan pendidikan agama bagi golongan kurang upaya pendengaran.

Kesedaran ini amat penting kerana mencerminkan kefahaman dan pengiktirafan mahasiswa terhadap hak pendidikan agama yang sepatutnya dinikmati oleh semua individu tanpa mengira kekurangan fizikal atau keupayaan komunikasi. Dalam konteks ini, golongan orang pekak tidak seharusnya dipinggirkan daripada arus pendidikan al-Quran hanya kerana kekangan deria, sebaliknya perlu diberi perhatian dan peluang yang adil serta saksama sebagaimana yang diberikan kepada golongan tipikal.

Peningkatan tahap kesedaran ini juga dilihat mampu membuka minda masyarakat, terutamanya dalam kalangan anak muda dan bakal pendidik tentang kepentingan menjadikan pendidikan al-Quran sebagai hak asasi setiap individu Muslim, termasuk mereka yang berkeperluan khas. Tanggapan yang keliru terhadap golongan orang pekak sebagai ‘anak syurga’ sehingga tidak perlu diajar agama perlu diperbetulkan agar masyarakat dapat memahami bahawa mereka juga merupakan golongan mukallaf yang mempunyai tanggungjawab agama seiring dengan kapasiti kemampuan mereka.

Di samping itu, kajian ini turut berperanan sebagai sumbangan ilmiah yang dapat menyuarakan keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti orang pekak Muslim di Malaysia khususnya dalam memperoleh akses kepada pendidikan al-Quran yang sesuai dan berkesan. Dapatan kajian ini secara tidak langsung dapat menjadi asas kepada pembangunan kurikulum, pendekatan pedagogi, serta polisi pendidikan yang lebih inklusif terhadap keperluan golongan ini.

Justeru, semua pihak termasuk institusi pendidikan, penggubal dasar, badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik serta masyarakat secara keseluruhan perlu lebih cakna dan bertanggungjawab dalam memastikan hak pendidikan al-Quran bagi golongan orang pekak dipelihara dan diperkasa. Usaha bersama ini amat penting dalam membina sebuah negara yang benar-benar inklusif, adil, dan sejahtera, selaras dengan prinsip rahmatan lil-‘alamin yang menjadi teras ajaran Islam

8. PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) atas kerjasama, sokongan dan sumbangan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- Ab Rahman, B., Hashim, A., & Ishak, H. (2021). Medium komunikasi guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran program pendidikan khas integrasi (ketidakupayaan pendengaran). *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(28), 110–125.
- Ahmad, A. S., & Johari, H. (2022). Motif kesukarelawan dan kemahiran insaniah mahasiswa khidmat masyarakat. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 124–138.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211.
- Alias, U. K., Ishak, H., & Mohamad, S. (2019). Kaedah-kaedah bacaan al-Quran dalam kalangan orang kurang upaya pendengaran. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 4(2), 59–67.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson.
- Dzul kifli, I., Suhid, A., Fakhrudin, F. M., & Ahmad, N. A. (2020). Cabaran komunikasi dalam pengajaran pendidikan Islam kepada murid kurang upaya pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*, 12(1), 13–26.
- Jaafar, N., Raus, N. M., Shabery, N. A. F. N., & Nabil, N. M. (2022). Inspirasi dakwah bagi OKU dari kisah Ibnu Ummi Maktum: Pengalaman di Yayasan FAQEH. Dalam *International Prophetic Conference (SWAN), FPQS USIM* (8th, hlm. 210–221).
- Khamaruddin, S. R., & Fasehah Muhamad, N. A. (2021). Keberkesanan kaedah Tahfiz Akhyar dalam meningkatkan tahap penguasaan hafazan Quran bagi remaja pekak. *Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 45–55.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample sizes for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Mahmood, W. B. W., Idris, K., Samah, B. A., & Omar, Z. (2016). Teori tingkah laku berencana dan tingkah laku menyokong perubahan: Satu sorotan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(4), 27–36.
- Nawi, M. Z. M., Nor, M. A. M., Omar, M. R., & Muhamad, N. (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini: Satu tinjauan umum. *Jurnal Al-Turath*, 6(1), 55–66.
- Rashid, S. M. M., & Srafi, N. S. (2024). Cabaran golongan pekak dalam mempelajari tilawah dengan menggunakan Kod Tangan Quran: The challenges faced by the deaf in learning Quranic recitation using Quran hand sign code. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 8(1), 91–101.
- Rashid, S. M. M., Yasin, M. H. M., & Ashaari, N. S. (2017). Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) di dalam terjemahan maksud Surah Al-Fatihah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(4), 51–66.
- Raus, N. M., Hashim, K. E., & Rashid, S. M. M. (2023). Sustainability of Islamic education for persons with disabilities based on Maqasid Shariah in the context of preserving religion and

intellectuality. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(7), 745–762.

Razuan, S. R. A., Raus, N. M., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Yusoff, A. M., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummy Maktum (UMMI). *Abqari Journal*, 20(2), 78–98.

Sabdan, M. S. B., Alias, N., Yakub, M., Yusof, Z. M., & Jomhari, N. (2020). Keperluan pembangunan modul pedagogi Surah Al-Fatihah dan Tiga Qul berasaskan teknologi untuk pelajar pekak di Kolej Vokasional. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 13–26.

Samat, M. Z. A., & Abd Majid, R. (2020). Implikasi kaedah Tahfiz Akhyar terhadap pembelajaran dan pengajaran Surah Al-Fatihah kepada murid pekak. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(2), 34–44.

Toran, H., Yasin, M. H. M., Tahar, M. M., & Sujak, N. (2009). Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 18–29.

Zulkifli, H., Rashid, S. M. M., Mohamed, S., Toran, H., Raus, N. M., Pisol, M. I. M., & Suratman, M. N. (2022). Designing the content of religious education learning in creating sustainability among children with learning disabilities: A fuzzy Delphi analysis. *Frontiers in Psychology*, 13, 1036806. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1036806>

Syar Meeze Mohd Rashid (Corresponding author)

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600, Bangi Selangor, Malaysia
Email: cikgumeeze@ukm.edu.my

Nurfahmida Mazlan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600, Bangi Selangor, Malaysia
Email: nfahmida8@gmail.com